

Roboh dua struktur papan iklan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan dua struktur papan iklan tanpa kelulusan di Jalan Syed Putra di sini, selepas notis penguatkuasaan diberikan.

DBKL berkata, pihaknya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang berdegil susulan aduan yang diterima melalui Adu@KL.

Menurutnya, sebelum itu, sebanyak tiga notis penguatkuasaan mengikut Seksyen 26(1) b Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 dan Seksyen 45(1) a Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dikeluarkan kepada pemilik papan iklan berkenaan.

“Ia supaya pemilik berkenaan memberhentikan aktiviti atau membuka, memindah, meroboh atau mengosong peralatan yang berkaitan serta membersihkan kawasan tapak.

“Bagaimanapun, hanya satu struktur dibuka sendiri oleh pemiliknya dan susulan itu tindakan operasi dilakukan yang mana sebanyak dua unit struktur papan iklan tanpa kelulusan terbabit dirobuhkan,” katanya dalam satu kenyataan di Facebook di sini, semalam.

Katanya, semua sisa struktur yang dirobuhkan sudah dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi dijalankan.

“DBKL akan meneruskan tindakan dan peman-tauan dari semasa ke semasa,” katanya.